

BERITA HARIAN, RABU, 24 JUN, 1981

## **Dr.M terima anugerah tertinggi S'wak**

**KUCHING, Selasa** - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima darjah tertinggi Sarawak, Datuk Patinggi Bintang Kenyalang (DP), dalam satu majlis di Lapau, di Petra Jaya dekat sini.

Darjah itu yang dianugerahkan kepada Datuk Seri Dr. Mahathir tahun lalu disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri, Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Rahman Yakub.

Turut hadir ialah isteri Yang Dipertua Negeri, Datin Patinggi Hajjah Normah, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Haji Abdul Taib Mahmud dan Datin Seri Amar Lalla, para Menteri Negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri kemudian mendengar taklimat di pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. — Bernama.